



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

LAWATAN PEMERIKSAAN BERSEPADU KE PASAR DAN TAMU

Tarikh: 23 Disember 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama dengan Jabatan Perikanan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah membuat lawatan pemeriksaan bersepadu ke Pasar Gadong dan Tamu Kianggeh pada hari Rabu, 22 Disember 2021. Lawatan berkenaan diketuai oleh Dayang Hajah Latifah binti Haji Mahmud, Pemangku Ketua Pengarah JPES.
2. Semasa lawatan pemeriksaan berkenaan, pihak JPES dan Jabatan Perikanan berpeluang untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada para peniaga-peniaga pasar dan tamu mengenai situasi kini termasuk harga dan stok bekalan makanan laut yang terdapat di pasaran pada masa ini.
3. Hasil dari pemeriksaan dan dialog bersama peniaga mendapati majoriti bekalan ikan di pasar adalah diimport dari negara jiran. Bekalan ikan tempatan pada masa ini berkurangan memandangkan keadaan cuaca musim tengkujuh yang berisiko kepada para nelayan untuk turun ke laut.
4. Beberapa faktor yang mendorong kepada kenaikan harga adalah antaranya peningkatan kos dari pembekal luar, kos operasi bagi pembekal tempatan dan tambahan kos perkhidmatan penghantaran berbanding sebelum penularan wabak COVID-19. Terdapat pembeli yang kerap berkunjung ke pasar dan tamu berkenaan, juga turut mengongsikan pemerhatian dan pemahaman mereka bahawa perbezaan harga adalah bergantung kepada kualiti, saiz dan sumber bekalan.
5. Melalui lawatan ini juga, pihak JPES turut melaksanakan pemeriksaan dan seterusnya berkesempatan menasihatkan para peniaga mengenai kepentingan paparan tanda harga yang terang dan jelas sebagaimana yang diperuntukkan melalui Perintah Kawalan Harga (Paparasi Tanda Harga) bagi mempromosikan prinsip perniagaan yang telus dan seterusnya dapat memberikan maklumat harga yang lebih jelas kepada pembeli sebelum membuat keputusan dalam pembelian.